

MORO, MUSLIMIN FILIPINA YANG GAGAH PERKASA

Kaum Muslimin di Filipina binasa disebut orang “Moro”. Mereka terutama di pulau-pulau Mindanao dan gugusan pulau-pulau Sulu. Dan sebahagian lagi tinggal di pulau Palawan.

Perkataan “Moro” berasal dari perkataan Sepanyol “Moor” bererti: orang-orang Islam. Ini dipakai kerana orang Islam di Mindanao dan Sulu mempunyai agama (Islam) yang sama dengan orang Moor Afrika yang pernah menguasai Sepanyol 711-1492).

Orang-orang Islam (Filipina ini berasal dari keturunan orang Melayu dari semenanjung Tanah Melayu. Hal ini dibuktikan oleh ahli sejarah. Orang-orang Melayu dari Malaya sampai di Filipina dalam tiga kali perpindahan.

Yang pertama pada tahun 200 sebelum Masihi.

Kedua: Antara tahun Masihi 100-1300.

Ketiga: Dari tahun 1370-1500.

Dalam perpindahan yang akhir ialah dari golongan orang Melayu semenanjung yang beragama Islam yang disertai oleh orang-orang Arab keturunan sultan-sultan dan penyiar-penyiar agama Islam. Keturunan mereka Ainah terkenal dengan nama orang-orang Moro di kepulauan Mindanao dan Sulu serta pulau-pulau kecil yang lain.

Kekuasaan Orang Islam

Menurut sejarah Moro, bahawa seorang ulama dari Melaka bernama “Sukadum” telah mendarat di Sulu dan meletakkan dasar-dasar Islam di Filipina. Pada kira-kira tahun 1410, “Raja Baginda”, dari Minangkabau, telah memimpin tentera Islam lalu menyerang Sulu dan baginda berjaya menduduki pulau itu.

Pada tahun 1450 pula, Abū Bakar, seorang pemimpin Islam dari Johor, telah datang di Sulu dan beristerikan Puteri

“Raja Baginda” Abu Bakar berjaya mengislamkan sekalian penduduk Sulu.

Sesudah “Raja Baginda” wafat, Abu Bakar pun menjadi sultan hukum Quran telah dijadikan hukum kerajaannya. Setelah memerintah 30 tahun lamanya iapun wafat. Kekuasaan kerajaannya telah dipegang oleh Sharīf (Sayyid) Kabungsawan iaitu seorang pemimpin Islam yang berasal dari Johor juga. Ia telah datang ke sana pada tahun 1474 lalu beristerikan Puteri Tunina, seorang puteri di Kota Batu, Mindanao. Sharīf Kabungsawan ini yang telah berjasa mengislamkan penduduk Mindanao. Setelah wafatnya, seorang keturunan Sayyid yang lain bernama Sharīf ‘Alwī telah menggantikannya.

Dari Mindanao dan Sulu kekuasaan Islam terus bertambah luas sampai keperluan sebelah utara Filipina, termasuk pulau-pulau Mindoro, Batangas dan Teluk Manila.

Pada tahun 1571 Raja Sulaiman telah mendirikan kerajaannya di Manila. Kemudian daripada itu berlakulah peperangan besar antara Raja Sulaiman dengan orang-orang Sepanyol yang lebih lengkap dengan alat senjatanya. Raja Sulaiman telah terbunuh. Bagindalah seorang Muslim Filipina yang pertama terbunuh kerana menentang orang Sepanyol. Pada tahun 1571 inilah pengaruh Islam di Pulau Luzon telah hapus.

Menentang Sepanyol

Peperangan yang telah berbangkit di antara orang Moro dengan Sepanyol ialah disebabkan oleh orang Sepanyol merempuh masuk ke daerah-daerah Moro. Orang Moro telah mempertahankan tanah airnya yang dikasihi dengan segenap kekuatan dan senjata.

Sebab yang kedua pula, orang Sepanyol cuba hendak mengkristiankan orang Moro dengan kekuatan pedang tetapi percubaan mereka telah gagal, kerana orang Moro yang berjiwa Islam itu telah menentang percubaan itu dengan gagahnya.

Sepanyol mula mengganas pada tahun 1578, Gabenor Jeneral Pranisko De Sande menghantarkan suatu angkatan tentera menyerang orang Moro di Sulu. Serangan ini dipimpin oleh Kapten Estiban Rodrico De Figoro, setelah menerima perlawanan sengit daripada sultan Pengawiyon, akhirnya Sepanyol dapat merebut daerah Sulu, tetapi tidak berapa kemudian daripada itu orang Moro telah berjaya merampasnya.

Tentera Sepanyol dengan dipimpin oleh Kapten Gabriel Rabibra telah melanggar Mindanao. Pada tahun 1596 pula tentera Sepanyol telah mendarat di Teluk Riyugrandi di Kota Batu tetapi mereka telah mendapat paluan besar daripada orang Moro yang dipimpin oleh Dato' Silungan dari Bawaiyan dan Dato' Buwishan dari Kota Batu. Seorang pahlawan Sepanyol telah terbunuh dalam pertempuran itu dan semenjak itu mereka tidak lagi menyerang daerah Moro.

Menyerang Balas

Pada bulan Jun 1599, Dato' Bu'yisan dan dato' Silungan, memimpin angkatan perang dilawat lalu menyerang kedudukan orang Sepanyol dan golongan Kristian di pulau-pulau Pani, Tigrus dan Sibu mereka telah berjaya menghancurkan pertahanan musuh di sana dan merampas alat-alat senjatanya lalu balik membawa 800 orang tawanan perang. Kejadian ini telah menyebabkan Sepanyol bertambah berang.

Pada tahun 1602 suatu angkatan Sepanyol yang kuat di bawah pimpinan Kapten Juan Galinano menyerang daerah Julu tetapi orang Islam Moro telah berjaya menghancurkan serangan setelah 3 bulan lamnya mengharungi peperangan yang dahsyat.

Dalam bulan Januari 1610 suatu angkatan Sepanyol dari Manila dipimpin oleh Mejar Pranisku Ruiz telah menyerang pertahanan Moro di Rio Grandi Mindanao tetapi serangan itu telah dapat dipatahkan oleh sultan Qudrat dan Mejar Pranisku telah terbunuh.

Pada tahun 1627 pula, sekali lagi orang Sepanyol telah menyerang Culu (daerah Moro) dengan suatu angkatan terdiri daripada 1000 orang Filipinan Kristian dan 100 orang Sepanyol. Ladang-ladang dan kota-kota serta kapal-kapal orang Moro telah dibakar.

Setahun kemudian, Lurinazo De Aulaso dengan 2000 orang Kristian Filipina dan 350 orang Sepanyol telah menyerang "Julu" lagi, tetapi mereka telah diundurkan. Pada tahun 1630 serangan Sepanyol di bawah pimpinan Pedro Tusino telah dihancurkan oleh orang Moro.

Dalam tahun 1635 Sepanyol telah memutuskan hendak mendirikan pangkalan perangnya di Mindanao. Dengan tujuan itu Kapten Juan De Kabiz telah memimpin 1000 orang Filipina Kristian dan 300 orang Sepanyol lalu menduduki Zimbuanga bandar pelabuhan Mindanao.

Kedudukan Sepanyol di sana telah diserang oleh Dato' Tegal-saudara sultan Qudrat- Tetapi serangannya itu tidak berjaya bahkan orang-orangnya telah menerima kerugian besar. Pada tahun 1637 daerah sultan Qudrat telah diserang oleh Sepanyol tetapi baginda telah dapat mempertahankan negerinya dengan gagahnya. Julu pula telah diserang oleh Sepanyol tetapi sultan Bongso- raja Julu-telah berjaya mematahkan serangan musuh.

Pada tahun 1630, Sepanyol dengan angkatan tenteranya yang

pula telah melanggar telaga Lanu, tetapi orang Marano (suatu puak orang Moro) telah berjaya menghancurkan langgaran musuh yang kekuatannya berlipat ganda itu.

Semenjak itu sehingga 250 tahun sesudah itu, orang-orang Sepanyol tidak pernah menyerang Moro lagi.

Perdamaian

Kerana tidak sanggup menundukkan orang Moro dengan senjata maka Sepanyol pun mengadakan perjanjian perdamaian dengan mereka. Perjanjian pertama dengan sultan Qudrat (1645) mengandungi perhubungan perdaganya antara orang-orang Kristian dan Moro. Serta hal orang Kristian mengerjakan ibadatnya di Kota Batu.

Perjanjian lain pula antara Sulu- Sepanyol (1737) iaitu bertolong bantu menentang musuh dari luar, perniagaan bebas antara Manila- Julu, pertukaran tawanan perang, memulangkan balik milik gereja yang dirampas oleh orang Moro, dan bersalsi secara damai berkenaan pertentangan-pertentangan di antara orang-orang Moro dengan Kristian.

Perjuangan Berjalan Terus

Dalam kurun yang kedelapan belas, peperangan telag berbangkit di antara orang Moro dengan Sepanyol. Kekuasaan Sepanyol mulai berkunjung. Orang Moro telah mendarat di Manila pada tahun 1769 dan telah berjaya menawan sejumlah besar orang-orang Kristian-pihak musuh.

Di antara tahun 1778-1793, pemerintah Sepanyol telah mengeluarkan belanja perang sebanyak 1,519,209 Peso kerana melawan orang Moro.

1886-1887 Gabenor Jeneral, Emilu Tiroro telah ebrjaya merosakkan kubu-kubu pertahanan orang Moro di Kota Batu daerah Dato' Utu. Tetapi Dato' Utu tidak patah semangat malah telah mengulukan orang-orangnya menentang Sepanyol dengan gagahnya.

Pada bulan Ogos 1891, Jeneral Weylar telah menyerang orang Meranau dan menawan Marawi (sekarang di Ansalan).

tetapi Sepanyol tidak berjaya mendudukkan seluruh daerah itu.

Gabenor Jeneral Sepanyol akhir sekali yang mencuba menaklukkan Mindanao ialah Jeneral Ramon Bilanaku. Pada bulan Mac ia telah menawan Marawi sesudah mengharungi peperangan yang dahsyat dari orang-orang Moro yang dipimpin oleh Dato' Amaya Papak, pahlawan Islam yang terkenal yang kemudiannya telah menentang Amerika dengan beraninya. Marawi ini telah dapat dirampas semula oleh orang Meranau.

Di antara pemimpin-pemimpin Islam Kota batu yang telah berjuang menentang penjajahan Sepanyol ialah: Dato' 'Ali, Dato' Utu, Dato' Goyambangan dan Dato' Payang. Merekalah pahlawan-pahlawan Mindanao. Merekalah yang tetap mempertahankan daerah Mindanao menjadi sudut daripada alam Islam.

Kedatangan Amerika

Dalam tahun 1899 Sepanyol telah gulung tikar lalu meninggalkan Mindanao dan Sulu dengan digantikan oleh Amerika. Amerika juga pada mulanya memusuhi orang Moro.

Setelah Amerika beberapa kali mengalami kekalahan dan yakin bahawa orang Moro sangat kuat dan tebal semangat keislamannya, maka Amerika akhirnya mengikat perdamaian dengan mereka.

Amerika telah menegaskan dasarnya dengan mengatakan kedatangan ke sana berlainan tujuannya dengan Sepanyol dahulu. Amerika kononnya datang ke Filipinan bukan hendak menjajah atau hendal memaksa penduduk memeluk agama Kristian. Dia hanya sebagai sahabat, sebagai pemimpin (?).

Orang Moro yang telah ditipu oleh Sepanyol dahulu sudah tentu tidak mahu percaya kepada kata-kata Amerika yang bermadu itu. Akhirnya diadakan perjanjian di antara sultan Mindanao-Sulu di suatu pihak dan Jeneral Bitas di pihak yang lain, yang terkenal dengan Bitas Treaty.

(sambungan muka 33)

balasan jahatnya yang ditentukan itu sahaja-yakni dengan sebab ada balasan baik itulah maka dikerjakan amal yang baik. Atau dengan sebab ada balasan denda dan seksa dan sebagainya itulah maka dijauhi amal yang jahat atau tidak dikerjakan maksiat; kalau tidak oleh sebab ada balasan itu tidaklah dikerjakan atau dijauhi masing-masingnya itu-sesungguhnya jikalau demikian, maka nyatalah maasih tersangat rendah martabatnya perasaan akhlak yang menerbitkan kelakuan demikian itu. Kerana iaitu tidak digantungkan kepada perasaan “kerana Allah” yakni bukan dikerjakan yang baik itu oleh sebab baiknya semata-mata iaitu disuruh dan diredhai Allah; dan bukan pula dijauhi yang jahat itu oleh sebab jahatnya semata-mata iaitu dilarang Allah dan dimurkainya-pendeknya bukan kerana baik dan jahat pada zat perbuatan itu sendiri, hanya kerana tamakkan balasan dan takut kena hokum sahaja!

Sebagai orang Islam kita sayogialah ingat bahawa agama kita, sambil menjinjika balasan baik bagi amal yang baik dan balasan jahat bagi amal yang jahat, adalah pula mensyaratkan bahawa tiap-tiap amal yang baik itu hendaklah dikerjakan hasilnya “kerana Allah” dan tiap-tiap kerja yang jahat pula hendaklah dijauhi khlasnya “kerana Allah” juga-bukan kerana manusia atai kerana apa-apa tujuan yang lain daripada Allah, bukan kerana hendak mendapat balas nama dan syurga dan sebagainya, dan bukan pula takutkan busuk nama dan denda dan seksa neraka dan sebagainya pula....

Dalam pada itu jika dikurnia Tuhan balasan baik, atau “kelepasan” daripada hukumannya, maka kita syukur; dan jika tiada dikurnianya pun kita syukur juga; kerana ia terlebih tahu bagaimana yang lebih patut, lebih baik dan lebih adil dilakukan kepada masing-masing hambanya.

Demikian falsafah akhlak yang tinggi dalam ajaran Islam berkenaan dengan berbuat amal kebajikan dan menjauhi amal kejahatan.

Sekianlah dahulu, dalam makalah yang kedua kelak Inshā Allāh akan diterangkan pula peri perhubungan “kerana Allah” ini dengan darjat-darjat berbuat kebajikan dan menjauhi kejahatan.

(sambungan dari muka 9)

Amerika memberikan pemerintahan sendiri kepada aorang Moro untuk menjalankan agama dengan bebasnya. Pendidikan anak-anak emereka mendapat bantuan wang daripada Amerika. Amerika telah Berjaya mendamaikan orang-orang Kristian Filipina dengan orang Moro. Tetapi satu hal yang sangat-sangat diketahui oleh Amerika ialah orang-orang Moro sangat cinta kepada tanah air mereka-Midanao dan Sulu. Hingga sekarang pulau-pulau itu masih merupakan daerah orang Muslimin Filipina.

Dalam masa pendidikan Jepun orang-orang Kristian banyak sekali dibunuh Jepun tetapi orang Moro tidak. Menurut “Filiphines China Cultural Journal”: orang Moro ialah pahlawan-pahlawan Filipina, kerana selama 377 tahun orang Sepanyol tidak berjaya mendudukkan atau mematahkan semangat mereka.

Jumlah penduduk Filipinan pada tahun 1958 ialah 19, 324, 182 di antaranya empat peratus bergama Islam iaitu sebanyak 800 000 mereka bermazhab ahli al-Sunnah dan semuanya tinggal di Midanao dan Sulu.

-dipetik dari Aliran Islam.

Bacalah

BERJIHAD PADA JALAN ALLAH

(karangan Abū alā ‘Alī al-Mawdūdī)

Dimelayukan oleh

Ja‘far al-Bār dan ‘Abdullāh Basmeh.

Tebalnya 71 muka-harga senaskah 70 sen-pos 8 sen.

Pesan kepada penerbitnya:

QALAM PRESS LIMITED

P.O Box 3031, Singapore.